

**PENGAJIAN ISLAM DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
ISLAM DI SELATAN THAILAND: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA
KOLEJ PENGAJIAN ISLAM (CIS) DAN UNIVERSITI ISLAM YALA (YIU)**

JAMEELAH TOKMAE

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana
Doktor Falsafah**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

June 2012

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah SWT atas rahmat, pertolongan dan dorongan-Nya dalam penyelesaian tesis ini. Selawat dan salam kepada Rasul SAW petunjuk iman dan takwa kepada seluruh umat Islam.

Dalam tempoh saya berada di Universiti Sains Malaysia, saya banyak mendapat sumbangan yang tidak ternilai dan tidak dapat dilupakan. Pertama kali, kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Muhammad Azizan Sabjan yang telah memberikan bimbingan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus yang memberikan panduan kepada saya tentang tesis ini walaupun dalam jangka masa yang tidak begitu lama sebagai penyelia.

Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada Yayasan Darul Ihsan yang memberikan biasiswa sebagai yuran pengajian saya dan ucapan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia yang memberikan biasiswa sokongan kepada saya.

Saya merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah dan staf dari Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University (PSU), Pattani. Prof. Madya Dolmanach Baka yang telah memberikan pertolongan, sokongan akademik dan moral kepada saya. Terima kasih juga kepada Somchet Nakseewee, Jaruwat Songmuang, Al-Marhum Arin Saedi.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Syukri Adae, Bassam N. Al-Tamimi, Worapong Charenwong, Hasnida Chekha, Union Sasmita Samoh dan Chaiwat Misantan yang telah memberikan panduan tentang penulisan tesis. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah banyak memberikan

semangat kepada saya terutamanya kepada Chutima Wangbenmad, Awatif Adam dan Abdul Aziz Sideh.

Selanjutnya, sekalung ucapan terima kasih kepada staf-staf Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Kolej Pengajian Islam, Universiti Islam Yala, Perpustakaan Prince of Songkla University, Pattani Campus, Perpustakaan Kolej Pengajian Islam dan Perpustakaan Universiti Islam Yala.

Akhir sekali penghargaan yang tidak terhingga diberikan kepada yang tersayang, ibu, bapa dan adik-adik yang berada di Yala. Semoga sentiasa dirahmati dan direhmati Allah SWT sepanjang hayat mereka.

Penulis

Rumah Antarabangsa 4-22

USM, Pulau Pinang

ISI KANDUNGAN

Daftar Isi	Muka Surat
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iv
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
Senarai Lampiran	ix
Senarai Singkatan Kata	xi
Daftar Istilah Thai	xiii
Panduan Transliterasi	xviii
Abstrak	xxi
Abstract	xxiii

BAB 1 – PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	9
1.3 Pernyataan Masalah	25
1.4 Kepentingan Kajian	28
1.5 Objektif Kajian	30
1.6 Tinjauan Literatur	30
1.7 Batasan Kajian	36
1.8 Definisi Istilah	38
1.9 Metodologi	39
1.10 Kaedah Penulisan	44

BAB 2 - INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ISLAM DI SELATAN THAILAND

2.1 Kolej Pengajian Islam (CIS)	49
2.1.1 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan	49
2.1.2 Dasar Institusi	73
2.1.2. (a) Wawasan dan Misi	73
2.1.2. (b) Objektif	74
2.2 Universiti Islam Yala (YIU)	75
2.2.1 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan	76
2.2.2 Dasar Institusi	100
2.2.2. (a) Falsafah, Wawasan dan Misi	100
2.2.2. (b) Objektif	102

BAB 3 – PENGAJIAN ISLAM DI CIS DAN YIU

3.1 Kolej Pengajian Islam (CIS)	104
3.1.1 Strategi Pembinaan Institusi	104
3.1.1 (a) Misi	105
3.1.1 (b) Pelan Strategi	107
3.1.1 (c) Struktur Pengurusan Institusi	108

3.1.2	Pensyarah dan Hubungan Luar Negara	115
3.1.2 (a)	Pensyarah	115
3.1.2 (b)	Hubungan Luar Negara	116
3.1.3	Penawaran Rancangan	118
3.1.3 (a)	Program Sarjana Muda	119
3.1.3 (b)	Program Antarabangsa	127
3.1.3 (c)	Program Sarjana	127
3.1.3 (d)	Program Doktor Falsafah Pengajian Islam	131
3.1.4	Perkhidmatan Akademik	133
3.1.4 (a)	Aktiviti Pembinaan Staf dan Pelajar	135
3.1.4 (b)	Aktiviti Perkhidmatan Masyarakat	138
3.2.	Universiti Islam Yala (YIU)	143
3.2.1	Strategi Pembinaan Institusi	143
3.2.1 (a)	Misi	143
3.2.1 (b)	Pelan Strategi	148
3.2.1 (c)	Struktur Pengurusan Institusi	150
3.2.2	Pensyarah dan Hubungan Luar Negara	155
3.2.2 (a)	Pensyarah	155
3.2.2 (b)	Hubungan Luar Negara	155
3.2.3	Penawaran Rancangan Pengajian	157
3.2.3 (a)	Program Sarjana Muda	158
3.2.3 (b)	Program Diploma	172
3.2.3 (c)	Program Sarjana	173
3.2.4	Perkhidmatan Akademik	178
3.2.4 (a)	Aktiviti Pembinaan Staf dan Pelajar	179
3.2.4 (b)	Aktiviti Perkhidmatan Masyarakat	183

BAB 4 - PERBANDINGAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ISLAM ANTARA CIS DAN YIU

4.1	Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Institusi	186
4.1.1	Status dan Lokasi Penubuhan	187
4.1.2	Idea Penubuhan	188
4.1.3	Dorongan dan Tujuan Penubuhan	190
4.1.4	Proses Penubuhan dan Penawaran Rancangan Pengajian	198
4.1.5	Sumber Permodalan	202
4.2	Institusi	203
4.2.1	Wawasan	203
4.2.2	Misi	209
4.2.3	Objektif	217
4.2.3 (a)	Objektif Asas	217
4.2.3 (b)	Objektif Khusus	226
4.3	Strategi Pembinaan Institusi	231
4.3.1	Misi dan Objektif	231
4.3.2	Pelan Strategi	233
4.4	Pensyarah dan Hubungan Luar Negara	245
4.4.1	Pensyarah	245
4.4.2	Hubungan Luar Negara	254

4.5	Penawaran Rancangan Pengajian	260
	4.5.1 Perbandingan Rancangan Pengajian Ijazah	
268		
	Sarjana Muda Syarī'ah dan Rancangan	
	Pengajian Sarjana Muda Pengajian Islam	
	4.5.1 (a) Rancangan Pengajian Ijazah	268
	Sarjana Muda Syarī'ah	
	4.5.1 (b) Rancangan Pengajian Sarjana Muda	273
	Pengajian Islam	
4.6	Aktiviti Perkhidmatan Akademik	278
	4.6.1 Aktiviti Pembinaan Akademik dan Institusi	279
	4.6.2 Aktiviti Perkhidmatan Akademik Kepada Masyarakat	284

BAB 5 - SUMBANGAN CIS DAN YIU KEPADA MASYARAKAT

5.1	Aspek Individu	297
	5.1.1 Pembinaan Sahsiah	300
	5.1.2 Pembinaan Ilmu Pengetahuan	309
5.2	Aspek Masyarakat	317
	5.2.1 Agama, Budaya dan Pemikiran	319
	5.2.2 Pendidikan	334
	5.2.3 Ketenteraman Negara	339
5.3	Aspek Akademik	353

BAB 6 – PENUTUP

6.1	Rumusan	367
6.2	Implikasi Kajian	372
6.3	Saranan	373

BIBLIOGRAFI

LAMPRAN-LAMPIRAN

390

SENARAI JADUAL

Daftar Isi		Muka Surat
Jadual 3.1	Kursus Penawaran Rancangan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam di CIS	121
Jadual 3.2	Program Doktor Falsafah Pengajian Islam di CIS	133
Jadual 3.3	Penawaran Subjek Rancangan Pengajian Islam di YIU	161
Jadual 4.4	Perbandingan Sejarah Latar Belakang Penubuhan CIS dan YIU	197
Jadual 4.5	Perbandingan Ijazah Pengajian dan Pangkat Pensyarah di CIS dan Pusat Pengajian Islam di YIU	252
Jadual 4.6	Penawaran Rancangan Pengajian di CIS dan YIU	265
Jadual 4.7	Penawaran Kursus Rancangan Pengajian Syarī'ah di CIS	271
Jadual 4.8	Penawaran Kursus Rancangan Pengajian Syarī'ah di YIU	271
Jadual 4.9	Perbezaan Penawaran Kursus Rancangan Pengajian Syarī'ah di CIS dan YIU	272
Jadual 4.10	Perbandingan Penawaran Kursus dalam Rancangan Pengajian Islam di CIS dan YIU	275
Jadual 4.11	Contoh Aktiviti Pembinaan staf dan Pelajar di CIS dan YIU	279
Jadual 4.12	Contoh Aktiviti Perkhidmatan Akademik Kepada Masyarakat di CIS dan YIU	286

SENARAI RAJAH

Daftar Isi		Muka Surat
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	43
Rajah 2.2	Proses Melaksanakan Projek Penubuhan CIS	61
Rajah 3.3	Organisasi Pengurusan CIS	112
Rajah 3.4	Organisasi Pengurusan YIU	152
Rajah 3.5	Organisasi Pengurusan YIU	153
Rajah 3.6	Organisasi Pengurusan YIU	154
Rajah. 4.7	Proses Penubuhan CIS	201
Rajah 4.8	Proses Penubuhan YIU	201
Rajah 4.9	Proses Pembangunan Masyarakat Mengikut Perspektif CIS dan YIU	208

SENARAI LAMPIRAN

Daftar Isi		Muka Surat
Lampiran No. 1	Peta wilayah Pattani, Yala dan Naradhiwas	391
Lampiran No. 2	Nama-Nama Pensyarah di Kolej Pengajian Islam (CIS), PSU	392
Lampiran No. 3	Pelan Rancangan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Syarī'ah di Kolej Pengajian Islam (CIS), PSU	394
Lampiran No. 4	Struktur Rancangan Ijazah Sarjana Muda Syarī'ah di Universiti Islam Yala (YIU)	397
Lampiran No. 5	Pensyarah Rancangan Syarī'ah di Kolej Pengajian Islam (CIS) PSU	401
Lampiran No. 6	Pensyarah Universiti Islam Yala (YIU)	403
Lampiran No. 7	Pensyarah Rancangan Sarjana Muda Syarī'ah di Universiti Islam Yala (YIU)	407
Lampiran No. 8	Surat Kebenaran Penubuhan Kolej Pengajian Islam (CIS), PSU	410
Lampiran No. 9	Surat Kebenaran Penerimaan Penyarah Pada Awal Penubuhan Kolej Pengajian Islam (CIS), PSU	411
Lampiran No. 10	Surat Kebenaran Pengajian Pembelajaran Bidang Pengajian Islam di Kolej Pengajian Islam (CIS), PSU	412
Lampiran No. 11	Surat Kebenaran Penubuhan Universiti Islam Yala(YIU)	413
Lampiran No. 12	Surat Jaminan Penubuhan Universiti Islam Yala (YIU)	414
Lampiran No. 13	Gambar Kolej Pengajian Islam (CIS),PSU	415
Lampiran No. 14	Gambar Universiti Islam Yala(YIU) di Kampong, Paramitae, Mukim Budi, Wilayah Yala	416
Lampiran No. 15	Gambar Universiti Islam Yala (YIU) di Kampong Sarong, Daerah Yarang, Wilayah Pattani	417
Lampiran No. 16	Sampel Temuduga	418
Lampiran No. 17	Soalan Temuduga Graduan dari CIS dan YIU	419
Lampiran No. 18	Soalan Temuduga Terhadap Organisasi yang Menggunakan Perkhidmatan Graduan Dari CIS dan YIU	420

Lamipiran No. 19	Soalan Temuduga Golongan Pentadbiran, Pensyarah dan Staf Institusi	421
Lamipiran No. 20	Soalan Temuduga Penduduk Awam dan Organisasi dalam Masyarakat Selatan Thailand	422

SENARAI SINGKATAN KATA

Singkatan Kata	Perkataan Penuh
AJK	Ahli Jawatan Kuasa
cet	Cetakan
CIS	College of Islamic Studies
CNC	Council of National Security
ed.	Edisi
et.al	Pengarang bersama
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
FHUSO	Faculty of Humanities and Social Sciences
H	Hijrah
hlm	Halaman
HR	Human Resource
Ibid	Halaman yang sama
IDB	Islamic Development Bank
IIRO	International Islamic Relief Organization
ISO	International Organization for Standardization
Jld.	Jilid
KIY	Kolej Islam Yala
M	Masehi
NGO	Non Government Organization
no.	Nombor
OCSC	Office of Civil Service Commission
PNU	Princess of Naratdhiwas University
PSU	Prince of Songkla University
r.a	Radiyallah ‘anh

Singkatan Kata	Perkataan Penuh
SBPAC	Southern Border Province Administration Center
SAW.	Sallallahu ‘alayhi wasallam
SWT.	Subhanahu wa ta ‘ala
t.p	Tidak ada penerbit
t.t.p	Tidak ada tempat penerbitan
t.th.	Tidak ada tahun terbit
YIU	Yala Islamic University

DAFTAR ISTILAH THAI

Thai	Inggeris
A-Chiwa	Vocational College
Chaonathi Kan Patirup Rabop Ratchakan Lae Rabiap Borihan Ratchakan Phaendin	State Administration Regulations Reform Commission
Islam Sueksa Kap Khwam Mankhong Khong Chat	Islamic Studies and National Security
Kanmathikan Sueksa Ratthasapha	Education Commission of Parliament
Kan Phatthana Kansueksa Radap Udomsueksa Rue Witthayalai	Development of Higher Education or College
Kan Patthana Khanakammakarn Karn Boriharn Sahakorn Aomsap Islam Phaktai	Development of Islamic Corporates Administration in Southern Thailand
Kan Phatthana Phuenth Chapho Lae Phatthana Mueang Bot Thi 6	Development of Specific Areas and Cities: Chapter 6
Khanakammakan Borihan Khrongkan Wichakan Islam Sueksa	Islamic Studies Project Management Committee
Khanakammakan Damnoen Khrongkan Chattang Witthayalai Islam	Committee of Implementing Islamic College Establishment Project
Khanakammakan Kharatchakanphalaruean	Civil Service Commission
Khanakammakan Khrongkan Chattang Sun Islam Lae Khanakammakan Rang Khrongkan	Islamic Centre Establishment Project and Project Proposal Drafting Committee
Khanakammakan Kotang Khrongkan Witthayalai Islam	Islamic College Founding Committee

Thai	Inggeris
Khanakammakan Khrongkan Witthayalai Islam Ekkachon Phaktai	Committee of Private Islamic College in Southern Thailand
Khanakammakan Pracham Witthayalai	College Standing Committee
Khanakammakan Songsoem Kitchakan Witthayalai	College's Supporting Committee
Khanakammakan Witthayalai	College Committee
Khanakammakan Damnoenkan Khrongkan Kotang Mahawitthayalai Islam Sueksa	Islamic Studies University Establishment Committee
Kharatchakan Phalaruean	Civil Servants
Khet Kansueksa 2	Education Zone 2
Kongthap Phak Thi 4	The 4th Battalion
Krongkarn Chattang Withayalai Islam Sueksa	College of Islamic Studies Establishment Project
Khrongkan Phalit Bandit Sathaban	Graduate Production Project
Lak Thamma Phi Ban	Good Governance
Lekhatikarn Sapha Khwam Mankhong Haeng Chat	Secretary General of the National Security Council
Mati Khanaratthamontri Kiaokap Phraratchabanyat Kansueksa Haeng Chat Pi 1998	The Cabinet Resolution about the National Education Act year 1998
Matthayom	Secondary School
Mullanithi al-Haramayn Pua Karn Kusol	Al-Haramayn Foundation

Thai	Inggeris
Munnithi Kansueksa Islam Radap Udomsueksa Phaktai	Foundation for Islamic Higher Education in Southern Thailand
Nangsue Anu Yat Thi 4/1998	Letter of Approval No. 4/1998
Nangsue Banthuek Khokhwam	Memorandum
Nangsue Khamsang Thi	Announcement Letter No.
Phaenkan Sueksa Chat	National Education Plan
Phaen Phatthana Kansueksa Krasuang Sueksathikan	Education Development Plan of Ministry of Education
Phaen Phatthana Kansueksa Samnakngan Khanakammakan kan Udomsueksa	Education Development Plan, Office of the Higher Education Commission (OHEC)
Phaen Phatthana Mahawitthayalai Chabab Thi 6	The 6 th Plan for University Development
Phaen Phatthana Phaktai	Southern Development Plan
Phaen Phatthana Setthakit Lae Sangkhom Haeng Chat Chabap Thi 5	The 5th National Economic and Social Development Plan
Praratchabanyat PSU	PSU Act
Phraratchabanyat Kansueksa Haeng Chat Pi 1999	The National Education Act Year 1999
Phraratchakritsadika	Royal Ordinance
Ratchakitchanubeksa	The Royal Gazette
Rongrean Prachaban	Public School

Thai	Inggeris
Samnak Chula Rajamontri	Office of Chula Rajamontri
Samnakngan Kansueksa Ekkachon Pracham Sapha Khwam Mankhong Haeng Chat	Office of Private Education Commission, National Security Council –NSC
Samnakngan Khanakammakan Kansueksa Haeng Chat	Office of National Education Commission
Samnakngan Khanakammakan Kan Udomsueksa	Office of the Higher Education Commission (OHEC)
Samnakngan Khanakammakan Phatthana Kan Setthakit Lae Sangkhom Haeng Chat	Office of National Economic and Social Development
Samnakngan Khanakammakan Watthanatham Haeng Chat	Office of National Culture Commission
Samnakngan Khanakammakan Wichai Haeng Chat	Office of the National Research Council of Thailand (NRCT)
Samnakngan Ko Pho	Office of Civil Service Commission
Samnakngan Krasuang Kantangprathet	Ministry of Foreign Affairs
Samnakngan Wichakan Lae Borikan Chumchon	Office of Academic and Public Service
Sapha Khwam Mankhong Haeng Chat	National Security Council (NSC)
Sapha Wichakan	Academic Council
Sathaban Triam Udomsueksa	Institute of Pre-University Education
Siang Witthayalai Islam Yala	Voice of Yala Islamic College

Thai	Inggeris
Sinlapa Watthanatham Thongthin Phaktai	Local Arts and Culture of Southern Thailand
Sun Amnuaikan Borihan Changwat Chaidaen Phaktai	Southern Border Province Adminisation Center (SBPAC)
Sun Wichakan Lae Borikan Chumchon	Academic and Community Service
Witthayalai Borikan Su Chumchon	College's Outreach

PANDUAN TRANSLITERASI

1. Roman Arab¹

1.1 Konsonan

rumi	konsonan
đ	ض
ť	ط
ż	ظ
'a	ع
gh	غ
f	ف
q	ق
k	ك
l	ل
m	م
n	ن
h	ه
w, ū	و
y, ī	ي
t̄	ة

rumi	Konsonan
-	ا
,	ء
b	ب
t	ت
th	ث
j	ج
h	ح
kh	خ
d	د
dh	ذ
r	ر
z	ز
s	س
sy/sh	ش
ş	ص

1.2 Vokal

á	ى	ā	أ	a	ـ
ay	ي	ī	ي	i	ــ
aw	و	ū	ُو	u	ـــ

¹ Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi*. 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992, hlm 1-3.

2. Roman Thai²

2.1 Kalimah Bahasa Thai dirumikan mengikut standard yang ditetapkan oleh *The Royal Institute*. Peraturan-peraturannya seperti berikut:

- 2.1.1 Perkataan Thai dirumikan berdasarkan transkripsi suara yang direkodkan oleh sistem tanda-tanda abjad roman tanpa memerhatikan ejaan asal. Contohnya ชันทร์ =chan, พระ =phra, and แก้ว =kaeo.
- 2.1.2 Setiap perkataan ditulis secara berasingan. Contohnya, สถาบันไทยคดีศึกษา = Sathaban Thai Khadi Sueksa, ห้างแก้วฟ้า =Hang Kaeo Fa, ถนนโชคชัย = Thanon Chok Chai.
- 2.1.3 Watak awal dari kata yang tepat, dan judul sebelumnya ditulis dengan huruf besar. Contohnya, นายปริดา อุยยืน = Nai Prida Yuyen, เด็กหญิง อุ่มนุญ ทองมี =Dekying Umbun Thongmi, จังหวัดกำแพงเพชร = Changwat Kamphaeng Phet.

2.2 Walau bagaimanapun, nama-nama dan perkataan yang berasal dari bahasa asing dirumikan berdasarkan populariti penggunaan. Contohnya, Islam (bukan *Itsalam*), Muslim (bukan *Mutsalim*), Kulsirisawad (bukan Kunsirisawat), Chula Rajamontri (bukan Chularatchamontri). Oleh sebab sebutan yang berdasarkan tulisan rumi sering disalah sebutkan. Contohnya, Naphakorn (bukan Na Pha Kon), Saowanee (bukan Sao Wa Nee).

² Sumber: Software.informer. (t.th.). *Thai Romanization*. [Dalam Talian- <http://thai-romanization.software.informer.com/1.4/download/>. [Diakses pada 2 Februari 2009]

2.3 Frasa Thai yang merujuk nama-nama yang tepat, nama-nama orang, tempat dan institusi tidak perlu dicondongkan tulisannya. Contohnya, King Narai, Ayutthaya, Prince of Songkla University.

**PENGAJIAN ISLAM DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
ISLAM DI SELATAN THAILAND: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA
KOLEJ PENGAJIAN ISLAM (CIS) DAN UNIVERSITI ISLAM YALA (YIU)**

ABSTRAK

Kajian ini ialah kajian perbandingan pengajian Islam di institusi pengajian tinggi Islam awam dan swasta di Selatan Thailand. Hanya tiga buah institusi iaitu Kolej Pengajian Islam (CIS) di PSU, Universiti Islam Yala (YIU) dan Pusat Pengajian Islam dan Bahasa Arab di Princess of Naradhiwat Universiti (PNU) yang menggunakan pengajian Islam. Kajian ini memilih dua buah institusi iaitu CIS mewakili institusi awam dan YIU mewakili institusi swasta. Pemilihan kedua-dua buah institusi ini kerana berlainan sektor menyebabkan urusan tentang pengajian Islam berlainan antaranya. Kedua-dua buah institusi tersebut telah mengalami perkembangan yang kompetitif dan menghasilkan sumbangan penting kepada masyarakat.

Kajian ini meneliti tiga aspek iaitu: 1) Mengenal pasti institusi pengajian tinggi Islam CIS dan YIU. 2) Menganalisis serta membandingkan institusi pengajian tinggi Islam awam (CIS) dan swasta (YIU). 3) Merumuskan sumbangan institusi pengajian tinggi Islam CIS dan YIU kepada masyarakat Selatan Thailand.

Kajian perbandingan ini menggunakan teknik penyelidikan perpustakaan dan menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpul data melalui dokumentasi dan temubual secara langsung. Data yang diperoleh dari kajian ini akan dianalisis dengan menggunakan teknik analisis isi, analisis deskriptif dan analisis interpretatif.

Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua buah institusi ini mempunyai persamaan dan perbezaan dalam beberapa aspek utama. Perbezaan utamanya adalah CIS merupakan sebuah institusi yang ditubuhkan berdasarkan idea dan polisi kerajaan, manakala YIU sebagai sebuah institusi swasta ditubuhkan berdasarkan pandangan ahli akademik menyebabkan pengurusan YIU lebih bebas dan terbuka.

Penemuan kajian ini juga mendapati bahawa CIS dan YIU adalah institusi pendidikan yang berperanan penting memberikan sumbangan positif kepada masyarakat di Selatan Thailand. Kedua-duanya merupakan institusi pendidikan peringkat pengajian tinggi yang membina ilmu pengetahuan baru, membawa tamadun yang berteraskan Islam, membina fahaman antara masyarakat yang berlainan pemikiran, budaya, agama dan bahasa dengan prosedur pendidikan yang berlandaskan pengajian Islam.

**ISLAMIC STUDIES IN ISLAMIC INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING
IN SOUTHERN THAILAND: A COMPARATIVE STUDY BETWEEN
COLLEGE OF ISLAMIC STUDIES (CIS) AND YALA ISLAMIC
UNIVERSITY (YIU)**

ABSTRACT

This study is a comparative study which aims to compare the Islamic studies in government and private Islamic institute of higher learning in Southern Thailand. Only three institutions, namely the College of Islamic Studies (CIS) at Prince of Songkla University (PSU), Yala Islamic University (YIU), and the Institute of Islamic and Arabic Studies at Prince of Naradhiwas University (PNU) have actually applied Islamic education in their instructions. However, this study has selected two institutions, namely CIS, which represents a public institution, and YIU, representing a private institution. The choice of these institutions was because of their difference in status, which would make them differ in their management of Islamic studies. Both institutions selected have experienced competitive development and have provided important contributions to the society.

This study examined three aspects, namely (1) identification of Islamic institute of higher learning CIS and YIU, (2) to analyse and compare government Islamic institute of higher learning (CIS) against their private counterpart (YIU), and (3) to summarise the contribution of Islamic institutes of higher learning, the CIS and the YIU, to the society in Southern Thailand.

This comparative study used the library research technique and employed the qualitative approach by gathering data through documented information and direct interviews. Data obtained from the study was analysed using content analysis, descriptive analysis, and interpretative analysis.

The study found that both the institutions have many similarities and differences in some major aspects. The main difference in that CIS is an institution formed based on the idea and policy of the government, whereas YIU as a private institution was formed based on the view of academicians, making the management of YIU more independent and open.

The findings from this study also found that CIS and YIU are education institutions which functions to give positive contributions to the society in Southern Thailand. Both of them are in institutions of higher learning that build new knowledge, that bring about an Islamic-based civilization, building understanding among the members of the society that have different thoughts, culture, religion and language with an Islamic-based educational procedure.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Kajian perbandingan Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Islam awam dan swasta di Selatan Thailand ini merupakan suatu kajian yang menarik dan dianggap baru, malah tidak keterlaluan menurut pengamatan pengkaji, setakat ini tidak ada lagi kajian peringkat sarjana dan kedoktoran yang berkaitan Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Islam di Selatan Thailand.

Di Thailand terdapat tiga buah institusi pengajian tinggi Islam sahaja iaitu Kolej Pengajian Islam (CIS) di Prince of Songkla University (PSU), Universiti Islam Yala (YIU)³ dan Pusat Islam dan Pengajian Arab di Princes of Naradhiwas University (*Islamic Academy and Arabic Studies, PNU*).⁴ Pengkaji memilih hanya dua buah institusi iaitu CIS di PSU dan YIU kerana kedua-dua buah institusi ini dianggap sebagai institusi pengajian tinggi Islam yang sudah beberapa tahun berperanan dalam masyarakat. CIS mewakili institusi pengajian tinggi Islam awam dan YIU pula mewakili institusi swasta. Pengajian Islam di kedua-dua buah institusi

³ Selepas ini akan disebut PSU (Prince of Songkla University), CIS (Colege of Islamic Studies atau Pusat Pengajian Islam), YIU (Yala Islamic University) dan PNU (Princess of Naradhiwas University).

⁴ Pada waktu menulis tesis ini di Selatan Thailand terdapat dua buah institusi pengajian tinggi Islam sahaja iaitu Kolej Pengajian Islam di Prince of Songkla University dan Universiti Islam Yala. Princess of Naradhiwas University (PNU) ialah satu universiti awam terbaru yang ditubuhkan pada 8 Februari 2005. Proses penubuhan universiti ini telah dilaksanakan sejak tahun 2003 dengan persetujuan daripada pihak kabinet di Thailand untuk mewujudkan sebuah universiti di Selatan Thailand. Universiti ini diwujudkan dengan menggabungkan beberapa institusi pendidikan tempatan yang berada di wilayah Naradhiwas. Universiti ini terdiri daripada empat buah institusi iaitu Naradhiwas Technical College, Naradhiwas College of Agriculture and Technology, Takbai Community Education College dan Boromrajonani College of Nursing, Naradhiwas. Sila lihat laman web: *Islamic Academy and Arab Studies Naradhiwas, Princess of Naradhiwas University. (t.th.). Prawat Mahawitthayalai (History of the University)*. [Dalam talian-<http://www.pnu.ac.th/webpnu/webias/maingeneraldata2.php?act=2&id=2>]. [Diakses pada 7 Desember 2010].

tersebut memberikan sumbangan penting kepada masyarakat Islam di Thailand khususnya masyarakat di wilayah Selatan Thailand yang majoritinya beragama Islam.

Kajian ini memfokuskan tentang pengajian Islam di institusi pengajian tinggi Islam awam dan swasta di Selatan Thailand iaitu, CIS dan YIU. Kajian juga meneliti dan membandingkan pengajian Islam di kedua-dua buah institusi yang berbeza ini untuk melihat perbezaan pengajian Islam yang dilaksanakan di institusi tersebut dalam aspek misi, wawasan, objektif, pelan strategi kedua-dua institusi, pensyarah, hubungan luar negara, penawaran rancangan pengajian dan aktiviti perkhidmatan akademik kepada staf, pelajar institusi dan masyarakat. Aspek sejarah penubuhan kedua-dua buah institusi akan turut dikaji. Ia juga untuk melihat bagaimana dan sejauh mana perbezaan pengajian Islam di kedua-dua buah institusi awam dan swasta. Selain itu, kajian ini juga mengkaji tentang sumbangan pengajian Islam kedua-dua buah institusi pengajian tinggi Islam ini terhadap masyarakat Selatan Thailand.

Perlu dijelaskan di sini bahawa kajian ini tidak melihat dan membandingkan institusi secara umum kerana CIS dan YIU berbeza taraf. CIS ialah institusi yang bertaraf sebuah pusat pengajian di PSU sementara YIU pula sebagai sebuah universiti. Namun kajian ini hanya memfokus tentang pengajian Islam di kedua-dua buah institusi tersebut seperti yang telah dijelaskan diatas. Pengkaji tidak membuat perbandingan institusi kerana perbezaan taraf tersebut. Maka tidak dinafikan bahawa kedua-dua buah institusi mempunyai beberapa aspek perbezaan yang jelas. YIU sebagai sebuah universiti mempunyai kelebihan dalam beberapa aspek seperti bilangan pelajar yang lebih ramai, bilangan pusat pengajian yang lebih banyak dan penawaran rancangan pengajian yang pelbagai serta arah perkembangan institusi

yang berbeza dan sebagainya. Sementara CIS adalah pusat pengajian yang mempunyai keupayaan mengikut tanggungjawab yang tertentu sebagai pusat pengajian di bawah sistem universiti awam. Lagipun, jika membuat perbandingan antara institusi, sudah tentulah yang bertaraf universiti memiliki segala-galanya.

Kajian ini juga tidak akan membandingkan Pusat Pengajian Islam di YIU dan CIS walaupun kedua-duanya bertaraf sebagai pusat pengajian kerana kedua-duanya mempunyai kekurangan dan kelebihan dalam pelbagai aspek yang akan dikaji. Kekurangan dan kelebihan yang didapati berkaitan dengan tiga faktor penting. Pertama, berdasarkan jarak masa penubuhan yang lama antara CIS dengan YIU. CIS ditubuhkan lebih awal daripada YIU beberapa tahun. Secara formal mengikut *Phraratchakritsadika (Royal Ordinance)* penubuhan CIS pada tahun 1989 sementara YIU pula ditubuhkan pada tahun 1998. Disebabkan tempoh yang agak lama ini, CIS mempunyai banyak kelebihan daripada Pusat Pengajian Islam di YIU dalam beberapa aspek seperti kesempurnaan dalam sistem pengurusan institusi, pengalaman dan lain-lain.

Kedua, aspek yang amat penting tentang CIS dan Pusat Pengajian Islam di YIU iaitu pengajian Islam yang akan dikaji oleh pengkaji sangat berbeza. Oleh sebab Pusat Pengajian Islam di YIU berada di bawah universiti Islam swasta, mempunyai sistem pengurusan institusi peringkat universiti, maka pusat pengajian tersebut mempunyai beberapa aspek yang akan dikaji bergantung kepada polisi universiti, diuruskan dan dirancang secara langsung oleh pihak universiti. CIS sebagai pusat pengajian Islam yang berada di bawah universiti awam PSU yang menguruskan institusi mengikut sistem pengurusan umum tetapi hal-hal yang berkaitan pengajian Islam ia mempunyai cara tersendiri dengan memberi kuasa tersendirian kepada CIS.

Sebagai ekoran daripada alasan demikian menyebabkan kedua-dua buah pusat pengajian mempunyai perbezaan, kelebihan dan kekurangan yang sangat jelas dalam beberapa aspek yang akan dikaji. Contohnya, Pusat Pengajian Islam di YIU menawarkan tiga buah rancangan pengajian untuk peringkat sarjana muda iaitu, Rancangan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Syarī'ah (*B.A in Syarī'ah*), Rancangan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Uṣuluddīn (*B.A in Uṣuluddīn*) dan Rancangan Pengajian Islam (*B.A. in Islamic Studies*). Penawaran dua buah rancangan pengajian pada peringkat sarjana iaitu Rancangan Pengajian Sarjana Syarī'ah dan Sarjana Sejarah dan Tamadun Islam.

Sementara CIS pula menawarkan enam buah rancangan pengajian peringkat sarjana muda iaitu, Rancangan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (*B.A. in Islamic Studies*), Rancangan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dalam Pendidikan Islam (*B.Ed.in Islamic Education*), Rancangan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Syarī'ah (*B.A. in Islamic Law*), Rancangan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Pengurusan (*B.A. in Islamic Economic and Management*), Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Timur Tengah (*B.A in Middle East Studies*) dan Rancangan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Program Antarabangsa (*B.A. in Islamic Studies, International Program*). Selain itu, CIS juga menawarkan rancangan pengajian Peringkat Sarjana Pengajian Islam dan Rancangan Pentadbiran dan Pengurusan Pendidikan Islam (*MA. Islamic Studies, M. Ed. in Islamic Educational Administration and Management*) dan Doktor Falsafah Pengajian Islam (*Ph.D Islamic Studies*).

Oleh itu, kajian ini juga akan memfokuskan perbandingan antara CIS dan Pusat Pengajian Islam di YIU dalam dua aspek iaitu, pensyarah dan penawaran rancangan pengajian. Pengkaji memilih dua aspek ini kerana kedua-dua aspek

tersebut mempunyai dokumen yang sesuai untuk dikaji secara mendalam dan berfokus. Kedua-duanya menawarkan pengajian yang berkaitan Islam dan pensyarahan terlibat dalam rancangan pengajian ini. Hal ini dilakukan untuk mengetahui persamaan dan perbezaan yang lebih jelas tentang kedua-duanya.

Walaupun didapati beberapa rancangan yang ditawarkan di YIU ialah rancangan pengajian akademik tetapi dengan sistem pengajian Islam yang diguna maka penawaran rancangan tersebut mempunyai kombinasi kurikulum dengan subjek Islam. Maka, setelah membuat perbandingan secara umum aspek penawaran rancangan pengkaji juga akan menjuruskan perbandingan pada penawaran rancangan di CIS dan Pusat Pengajian Islam di YIU kerana kedua-duanya turut menawarkan rancangan pengajian dan subjek yang berkaitan Islam.

Ketiga, kajian ini juga meneliti sejarah penubuhan dan perkembangan institusi kerana latar belakang penubuhan kedua-dua buah institusi sebagai faktor yang mencerminkan perbezaan dan juga dianggap sebagai aspek penting bagi kedua-dua buah institusi ini. Maka, untuk menyempurnakan objektif kajian yang meneliti sejarah penubuhan, kajian ini mesti memfokuskan pada sejarah penubuhan CIS dan YIU kerana kedua-dua buah institusi turut mempunyai sejarah yang menarik dan sesuai untuk dikaji.

Pusat pengajian Islam di YIU didapati tidak jelas peranannya dalam beberapa aspek yang akan dikaji kerana pengajian Islam di institusi ini berdasarkan polisi universiti. Secara umumnya, ia diuruskan dan dirancang oleh pihak universiti seperti penawaran beberapa perkhidmatan berkaitan ilmu pengetahuan. CIS yang berada di bawah PSU walaupun sistem dan beberapa aspek diuruskan oleh PSU, tetapi usaha pengurusan yang berkaitan dengan pengajian Islam CIS boleh dilaksanakan dengan

bebas. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokus pada pengajian Islam yang digunakan di CIS sahaja.

Secara ringkas, dasar perbandingan dalam kajian ini dilaksanakan untuk mencari persamaan dan perbezaan pengajian Islam di kedua-dua buah institusi pengajian tinggi Islam awam CIS dan swasta YIU. Setelah itu, pengkaji juga meneliti sumbangan kedua-dua buah institusi ini terhadap masyarakat di Selatan Thailand. Tumpuan utama kajian ini juga akan melihat sumbangan kedua-dua buah institusi yang berlainan ini tetapi menggunakan pengajian Islam.

Pengkaji membincangkan tajuk ini kerana ia boleh dianggap sebagai satu kes yang penting dan menarik untuk dikaji selanjutnya. Daya tarikan tajuk kajian ini kerana CIS ialah institusi pengajian tinggi Islam awam pertama di Thailand sementara YIU ialah universiti Islam swasta terunggul di Thailand. Yang amat menarik adalah kedua-dua buah institusi ini menggunakan pengajian Islam yang sama serta peranannya telah memberikan sumbangan besar kepada masyarakat Selatan Thailand. Selain itu, masih belum terdapat kajian lalu yang mengkaji tentang hal ini.

Pengkaji menjuruskan kajian perbandingan pengajian Islam di institusi pengajian tinggi Islam CIS dan YIU di Selatan Thailand ini kerana status pengajian Islam peringkat pengajian tinggi Islam di Thailand berlainan dengan Malaysia atau negara-negara Islam lain. Hal ini kerana di Thailand, baru sahaja diwujudkan institusi pengajian tinggi Islam. Pada masa yang sama juga, pendidikan di Thailand berada di bawah kelolaan dan polisi kerajaan Thai. Oleh itu, beberapa aspek polisi berlainan dengan pendidikan Islam yang berada di bawah negara Islam yang lain.

Justeru, kajian ini akan dapat mengetahui persamaan dan perbezaan tentang pengajian Islam di institusi pengajian tinggi Islam awam dan swasta, dapat meneliti sumbangan kedua-dua buah institusi pengajian tinggi Islam ini kepada masyarakat. Sejak awal penubuhannya, sejauh manakah pengajian Islam di institusi pengajian tinggi Islam ini memberikan sumbangan kepada masyarakat Selatan Thailand?

Sumbangan yang dihasilkan oleh CIS dan YIU telah mendorong pengkaji untuk mengetahui persamaan dan perbezaan tentang pengajian Islam yang ada di kedua-dua buah institusi ini dengan lebih mendalam dalam aspek-aspek yang tertentu iaitu: (1) Misi, wawasan, objektif dan pelan strategi kedua-dua buah institusi. (2) Pensyarah dan hubungan luar negara. (3) Penawaran rancangan. (4) Aktiviti-aktiviti perkhidmatan akademik.

Selain membuat perbandingan aspek tersebut, pengkaji juga memilih dan memfokuskan pada aspek-aspek ini kerana ia juga dianggap sebagai aspek penting yang mencerminkan arah tuju pengajian Islam di institusi dan sumbangannya kepada masyarakat. Pada tahap terakhir kajian ini, pengkaji akan meneliti sumbangan dua buah institusi ini terhadap masyarakat Selatan Thailand dalam tiga aspek iaitu aspek individu, masyarakat dan akademik.

Dalam kajian ini, CIS di PSU dan YIU menjadi sebagai subjek penting dalam kajian kerana kedua-dua buah institusi ini adalah institusi pengajian tinggi Islam yang terkenal di Thailand yang menggunakan pengajian Islam dalam pengurusan pengajian, menawarkan pelbagai disiplin rancangan pengajian dan berperanan penting terhadap masyarakat Islam di Thailand. Tambahan lagi, kini tidak terdapat institusi pengajian tinggi Islam lain di Selatan Thailand yang menggunakan sistem pengajian Islam seperti CIS dan YIU.

Sehubungan itu, didapati juga Pusat Islam dan Pengajian Arab di Princes of Naradhiwas University (*Islamic Academy and Arabic Studies, PNU*) yang bertempat di wilayah Naradhiwas juga menggunakan pengajian Islam. Pusat ini menawarkan rancangan pengajian Islam seperti CIS. Namun, Pusat Islam dan Pengajian Arab di universiti ini ialah institusi baru dan aspek-aspek yang sebagai unsur terpenting dalam kajian ini belum mempunyai hasil dan dokumen yang sesuai. Sementara tidak didapati pengajian Islam di institusi-institusi pengajian tinggi lain di Selatan Thailand tetapi hanya menawarkan pengajian Islam sebagai sebahagian daripada subjek yang berkaitan Islam di institusi sahaja.

Oleh yang demikian, dengan alasan tersebut, pengkaji terdorong untuk melakukan kajian ini. Data-data kajian ini diharapkan bermanfaat kepada masyarakat dan pengkaji lain sebagai rujukan. Hasil yang akan diperoleh daripada kajian ini amat berfaedah untuk ahli-ahli akademik, pihak pengurusan, masyarakat dan institusi pengajian lain khususnya institusi-institusi pengajian tinggi Islam yang menawarkan pengajian pembelajaran melalui sistem pengajian Islam. Selain itu, ia juga penting untuk memahami dan mengetahui dengan lebih mendalam tentang pengajian Islam di institusi pengajian tinggi Islam, pengurusan institusi serta sumbangan pengajian Islam di institusi pengajian tinggi Islam terhadap masyarakat di Selatan Thailand.

Dapatan yang diperoleh akan membantu mereka mengaplikasikannya dalam urusan institusi yang berkesan di institusi masing-masing terutamanya institusi pengajian tinggi Islam yang mengguna pengajian Islam dalam menguruskan institusi. Selain itu, ia dapat menambah khazanah ilmu dalam bidang pengurusan dan pentadbiran institusi pendidikan Islam awam dan swasta.

1.2 Latar Belakang

Selatan Thailand yang dimaksudkan di sini ialah satu kawasan yang terletak dari segi geografi yang meliputi wilayah Pattani⁵, Yala (*Jala*) dan Naradhiwas (*Bangnara*)⁶. Wilayah-wilayah tersebut majoriti penduduknya beragama Islam berbeza dengan wilayah-wilayah lain di Thailand yang mempunyai majoriti penduduknya yang beragama Buddha. Oleh sebab majoriti penduduk di kawasan ini beragama Islam, pendidikan Islam ialah satu prosedur penting yang memainkan peranan dalam pembangunan umat dan tamadun masyarakat di sini.

Sejarah pendidikan Islam di Selatan Thailand bermula dengan kedatangan Islam di rantau ini, tetapi mengenai kedatangan Islam ke Patani⁷ dan Nusantara Melayu terus diperdebatkan oleh para sarjana.

Menurut catatan sejarah Syed Muhammad Naguib al-Attas, beliau menyatakan bahawa kedatangan Islam di Patani ada kaitannya dengan orang Arab beragama Islam yang telah datang ke Sumatera Timur pada tahun 674M.⁸ A. Teww dan D.K Wyatt pula menjelaskan bahawa Islam datang ke Patani melalui kedatangan saudagar dari negara Arab, Cina dan India pada akhir abad ke-12 dan sebahagiannya telah berkahwin dengan penduduk tempatan Patani dan membina masyarakat Islam di Patani. Setelah agama Islam datang ke tempat ini, tiga abad kemudian maka barulah Raja Patani memeluk agama Islam dan mengisytiharkan Patani sebagai

⁵ Kalimah “Pattani” yang digunakan dengan dua “tt” iaitu “Pattani” diberi maksud satu wilayah Selatan Thailand dari definisi sekarang.

⁶ Lihat lampiran No.1.

⁷ Kalimah “Patani” yang menggunakan dengan satu “t” bermaksud merujuk kepada sebuah negeri Patani belum lagi jatuh ke dalam kekuasaan Thai sepenuhnya pada tahun 1902. Patani yang mempunyai dearahnya lebih luas iaitu meluputi wilayah-wilayah Pattani, Yala, Naradhiwas dan sebahagian dari wilayah Songkla iaitu daerah Sebayor dan Tibor.

⁸ Syed Mohammad Naguib al-Attas. (1969). *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., hlm 11.

kerajaan Islam pada tahun 1457M.⁹ Hal ini selaras dengan pendapat Hall yang menyatakan bahawa kedatangan agama Islam ke Patani yang melalui Melaka adalah pada akhir pertengahan abad ke 15.¹⁰

Menurut d' Erida, beliau menyatakan bahawa Islam telah bertapak di Patani dan Pahang lebih awal dari Melaka dan telah memasuki Terengganu pada tahun 1386-1387.¹¹

Sejarah Kelantan, menyatakan bahawa kira-kira pada tahun 1150 ada seorang Syeikh Arab dari Patani datang menyebarluaskan agama Islam di Kelantan dan daripada penemuan kepingan wang bertarikh 577H/1181 di Kelantan dapat menjelaskan tentang kedatangan Islam di kawasan ini.¹² Sama juga dengan penemuan inskripsi wang dinar emas di Patani bertarikh 1420 yang mencatatkan nama Muhammad juga memperkuuh lagi pengaruh Islam yang sudah ketara dalam kehidupan rakyat Patani. Daripada catatan ini menunjukkan bahawa Islam memasuki Patani sebelum didirikan dinasti Sukhothai¹³ kerana Sukhothai baru didirikan pada tahun 1219.¹⁴

Mengikut pendapat tokoh sejarah tempatan, agama Islam telah masuk ke Patani lebih awal iaitu kira-kira pada abad ke-10 atau ke-11 tetapi agama Islam berdiri teguh menjelang akhir abad ke-15 dan awal abad ke-16 iaitu, sesudah kejatuhan kerajaan Islam Melaka.¹⁵ Catatan sejarah Dinasti Sung pula menjelaskan

⁹ Teew A. & Wyatt D.K. (1970). *Hikayat Patani(The Story of Patani)*.The Hague: Martinus Nijhoff., hlm 3. Selepas ini disebut *Hikayat Patani*.

¹⁰ Hall D.G.E.(t.th.). *A History of Southeast Asia*. New York: MacMillan., hlm 30.

¹¹ Ibid., hlm 4.

¹² Ayah Bangnara. (1976). *Patani Dahulu dan Sekarang*. Bangkok: Silapakorn University., hlm 6-7. Selepas ini akan disebut *Patani Dahulu*.

¹³ Kerajaan Thai pertama yang berkuasa pada 1238-1438.

¹⁴ Dulhalim Dinaa. (2000). *Kajian Bentuk Pendidikan dan Pengurusan Sistem Pondok di Daerah, Chana Selatan Thailand (1918 – 1995)*. (Tesis Sarjana). Univesiti Sains Malaysia., hlm 43. Selepas ini disebut *Kajian Bentuk Pendidikan*.

¹⁵ Muhammad Zamperi A. Malik. (1993). *Umat Islam Patani: Sejarah dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., hlm 23. Selepas ini akan sebut *Umat Islam Patani*.

bahawa penduduk Patani yang hidup di sekitar Semenanjung Tanah Melayu kawasan pesisir Laut Cina Selatan sudah menganut agama Islam sejak tahun 970.¹⁶

Selain itu, ulama dan ahli sejarah berpendapat bahawa agama Islam datang ke Patani pada tahun 1303 dan 1387.¹⁷ Agama Islam ini dibawa oleh saudagar Arab yang bertanggungjawab sebagai pendakwah yang mengislamkan penduduk Patani dan kemudiannya menguasai istana Patani.¹⁸

A. Teww dan D.K Wyatt menegaskan pula bahawa kajian yang dilakukan ke atas batu nisan Raja Patani pertama yang beragama Islam membuktikan jenis dan bentuknya adalah sama dengan batu nisan Raja Pasai pertama yang beragama Islam iaitu Sultan Malik al-Šalih pada tahun 1297 sebagai bukti terawal kemasukan Islam ke Nusantara¹⁹. Dari sini, boleh dikatakan kedatangan Islam ke Patani dan Pasai mempunyai proses pertalian rapat yang dapat lihat dalam catatan *Hikayat Patani* menceritakan bahawa seorang ulama Pasai iaitu Shaykh Sa'īd telah mengislamkan Raja Patani yang pertama ialah Raja Phaya Tu Nakpa²⁰ dan para pembesar di Patani.

Menurut *Hikayat Patani*, tentang kedatangan Islam di rantau ini adalah berkaitan dengan Raja Patani pertama yang memeluk Islam. Ia menceritakan bahawa pada suatu ketika Raja Patani Phaya Tu Nakpa jatuh sakit, dikatakan bahawa baginda telah menghidap sejenis penyakit yang tidak dapat diubati oleh tabib. Baginda telah diubati oleh segala dukun istana tetapi tidak sembuh. Akhirnya baginda telah diubati

¹⁶ Dulhalim Dinaa. *Kajian Bentuk Pendidikan.*, hlm 43.

¹⁷ Hasan Madmarn. (1990). *Traditional Muslim Institutions in Southern Thailand: A Critical Study of Islamic Education and Arabic Influence in the Pondok and Madrasah Systems of Pattani.* (Ph.D Thesis). The University of Utah., hlm 18.

¹⁸ Muhammad Zamberi A. Malik. *Umat Islam Patani.*, hlm 23.

¹⁹ Teew A. & Wyatt D.K. *Hikayat Patani.*, hlm 4; Wan Kadir Cheman. (1990). *Muslim Separatism : The Moros of Southern Philippines and the Malays of Southern Thailand.* Singapore: Oxford University Press., hlm 32. Selepas ini disebut *Muslim Separatism*.

²⁰ Nama raja yang memerintah kerajaan Patani zaman beragama Hindu tetapi setelah beliau memeluk agama Islam maka ditukarkan namanya kepada nama Muslim.

oleh Shaykh Sa'īd Pasai dengan syarat apabila sembah nanti baginda mesti memeluk agama Islam. Syarat itu diterima oleh baginda tetapi apabila sembah baginda tidak menepati janjinya hingga sampai kali ketiga barulah baginda bersama keluarga dan pembesar istana memeluk Islam. Setelah baginda memeluk Islam, lalu ditukar namanya kepada Sultan Ismail Shāh Zillullāh Fi al-Ālam. Putera dan puterinya turut diubah namanya, putera yang sulung iaitu Kerub Picai Paina dinamakan Sultān Mużaffar Shāh, puterinya Tunku Mahacai dinamakan Siti ‘Āishah dan Mahacai Pailang dinamakan Mansūr Shāh.²¹

Walaupun dalam catatan sejarah menyatakan Patani telah menerima Islam lebih awal, namun perkembangan Islam pada waktu itu hanya berada dalam kalangan rakyat umum. Kemudian setelah Raja Patani menganut agama Islam pada tahun 1450, barulah Islam mula berkembang pesat di Patani.²² Setelah Raja Patani memeluk Islam, Patani merupakan sebuah Kerajaan Islam yang berpengaruh bermula pada abad yang ke-15, kebijaksanaan para Raja Patani memerintah negerinya pada waktu itu, banyak mendapat pujian daripada bangsa asing, terutamanya dari Eropah. Seorang pengembara Inggeris bernama Alexander Hamilton telah mengunjungi Patani pada abad yang ke-17. Beliau menceritakan bahawa sebagai kesan Raja Patani menganut agama Islam ini, Patani mencapai kemajuan dan Patani telah mempunyai sebanyak 43 buah negeri Melayu yang berada di bawah jajahan takluknya.²³

²¹ Teew A. & Wyatt D.K. *Hikayat Patani.*, hlm 23; Ahmad Fathy al-Fatani. (1994). *Pengantar Sejarah Patani*. Kelantan: Dian Darulnaim Sdn. Bhd., hlm13. Siti Hawa Haji Saleh.(1992). *Hikayat Patani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm xx-xxi.; Ayah Bangnara. *Patani Dahulu.*, hlm 7.

²² Dulhalim Dinaa. *Kajian Bentuk Pendidikan.*, hlm 43-44.

²³ Ibid., hlm 44.

Dengan kedatangan Islam ini, menimbulkan perubahan tentang aqidah, pemikiran, kebudayaan, bahasa dan sosiopolitik masyarakat Melayu di Patani. Perubahan ini menyebabkan Patani berperanan sebagai pusat tamadun dan peradaban Islam. Hal ini adalah sebagai tanda keunggulan Islam di bumi Patani.²⁴

Dalam bidang pemikiran, *Madhab al-Shāfi‘ī* di Patani berkait rapat dengan kedatangan Islam di kawasan ini. Hal ini kerana seorang ulama dari Pasai yang mengislamkan Raja Patani yang bernama Syeikh Sa’id itu bermadhab al-Shāfi‘ī.²⁵ Hal ini, kalau dikaji dengan teliti dari segi sejarah, Pasai adalah pusat perkembangan Islam yang penting di Nusantara dan dengan kehadiran kitab *Minhāj al-Tālibīn* yang dihasilkan oleh Imām Muhyī al-Dīn Abū Zakariya (1232-1277M) di Nusantara dan berperanan penting dalam menyebarkan agama Islam berfeqahkan *Madhab al-Shāfi‘ī*.²⁶

Peranan *Madhab al-Shāfi‘ī* dalam masyarakat Patani boleh dilihat dari buku-buku feqah yang dihasilkan oleh ulama-ulama Patani seperti Shaykh Dāwūd ibn ‘Abdullāh ibn Idrīs al-Faṭānī (1769-1847M)²⁷ yang telah menghasilkan beberapa buah buku tentang feqah seperti *Fath al-Mannān*²⁸, *Hidāyat al-Muta‘allim*²⁹ dan

²⁴ Muhammad Zamperi A. Malik. *Umat Islam Patani.*, hlm 23-24.

²⁵ Teew A. & Wyatt D.K. *Hikayat Patani.*, hlm 37.

²⁶ Abdul Rahman Haji Abdullah. (1990). *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., hlm 120.

²⁷ Shaykh Dāwūd ibn ‘Abdullāh ibn Idrīs al-Faṭānī nama penuhnya Dāwūd ibn ‘Abdullāh ibn Idrīs al-Jalwī al-Faṭānī al-Malāyūwī, tetapi lebih dikenali dengan panggilan Tok Shaykh Dāwūd Faṭānī. Beliau dilahirkan di kampung Parik Marhum hampir kampung Kerisek, lebih kurang 7 kilometer di sebelah selatan bandar Patani sekarang dan meninggal dunia di kediamannya di kota peranginan Taif pada hari Khamis 22 Rejab 1263H ketika berusia 78 tahun (80 tahun H). Jenazah Shaykh Dāwūd disemadikan di sisi kubur Sayyidinā ‘Abdullāh ibn ‘Abbās, sepupu baginda Rasulullah SAW. Tentang hal ini, sila lihat buku *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu*. Ismail Che Dāwūd. (ed.). (1988). *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung(1)*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam., hlm 15-18, 54-55. Selepas ini disebut *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung*.

²⁸ Tajuk asal berbahasa Arab, selesai dikarang oleh Shaykh Dāwūd ibn ‘Abdullāh ibn Idrīs al-Faṭānī pada tahun 1249H dan pernah dicetak pada tahun 1300H atas usaha waris dan keluarga. Dicetak oleh Matba‘ah al-Mirīyah, Mekah, isinya dimulai dari Aqidah Tasawuf dan feqah tetapi isi pokoknya adalah feqah. Untuk perincian, sila lihat Wan Muhammad

*Furū‘ al-Masā‘il*³⁰. Dalam buku-buku tersebut beliau telah menyebutkan tentang hukum hakam dengan teliti.³¹ Selain itu, buku-buku feqah *Madhab al-Shāfi‘ī* yang telah dihasilkan, turut disebut tentang pemikiran dan pandangan para ulama dalam lingkungan *Madhab al-Shāfi‘ī* dengan menyebut tentang karya-karya Imām al-Shāfi‘ī melalui beliau sendiri.³² Dalam buku-buku feqah yang dihasilkan oleh para ulama Patani lain, mereka juga menyebutkan tentang hukum-hukum feqah melalui karya *Madhab al-Shāfi‘ī* tetapi berlainan ciri-ciri isi kandungannya.³³

Dengan kedatangan Islam di rantau ini juga, Patani dikenali sebagai Pusat Tamadun Islam dan Sastera Melayu melalui karya-kaya para ulama tempatan dan sistem pendidikan pondok. Sistem pendidikan masyarakat Patani pada masa dahulu tidak berbeza dengan tempat-tempat lain di Asia Tenggara. Kanak-kanak Muslim mendapat pendidikan awal dengan belajar al-Qur‘ān di rumah Tok Guru atau di masjid. Mereka juga mendapat pendidikan daripada ahli keluarga sendiri. Cara pendidikan dengan belajar dari rumah Tok Guru atau Masjid ini didapati juga di kawasan lain seperti Shaykh Muḥammad ‘Abduh di Mesir juga dapat pendidikan melalui sistem seperti ini. Beliau telah mendapat pendidikan awal daripada bapanya

Shaghir.(1991). *Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Faṭāni Penulis Islam Produktif Asia Tenggara.* Indonesia: Ramadhani., hlm 82-85. Selepas ini disebut *Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Faṭāni*.

²⁹ Selesai dikarang oleh Shaykh Dāwūd ibn ‘Abdullāh ibn Idrīs al-Faṭānī pada hari Jumaat 2hb Jumadil Thani 1244H. Kitab ini adalah sebagai kitab fekah yang terlengkap semua bab, dicetak buat pertama kalinya oleh Matba‘ah al-Mīrīyah, Mekah pada tahun 1312H. Untuk maklumat lanjutnya, sila lihat Wan Muhammad Shaghir. *Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Fatāni*, hlm 79.

³⁰ Buku ini ditulis pada tahun 1257H. Dalam buku ini menyebut tentang masalah agama, tentang hukum feqah. Lihat buku *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu*. Ismail Che Dāwūd *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung*.hlm 135. Wan Muhammad Shaghir. *Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Fatāni*, hlm 86.

³¹ Surin Pitsuwan. (1982). *Islam and Malay Nationalism: A Case Study of Malay-Muslims of Southern Thailand.* (Ph.D Thesis). Harvard: Cambridge University., hlm. 140. Selepas ini akan disebut *Islam and Malay Nationalism*.

³² Wan Muhammad Shaghir. *Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Faṭānī*, hlm 29.

³³ Pirayot Rahimmula. (1993). *Peranan Ulama Masa Silam Dengan Pembangunan Masyarakat, Pendidikan dan Kebudayaan Muslim di Tanah Melayu*. Rusembilan. 19, (1-12), 11., hlm 11. Selepas ini disebut *Peranan Ulama Masa Silam*.

sendiri, kemudian dihantar ke sekolah pendidikan al-Qur'ān atau '*Kuttāb*',³⁴ dan seterusnya beliau mendapat pendidikan lanjutannya di sekolah hafiz untuk menghafal al-Qur'ān.³⁵

Sistem pendidikan agama di Patani adalah pendidikan yang diajarkan oleh ketua agama, kanak-kanak yang datang belajar akan berhimpun di satu tempat yang bernama surau atau balaisah (tempat menunaikan sembahyang yang kecil). Di sini kanak-kanak akan mendapat pendidikan al-Qur'ān dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan *Fard al-'Ayn*.³⁶ Bentuk pendidikan tersebut dinamakan pendidikan pondok yang dianggap sebagai institusi pengajian Islam awal yang menggunakan sistem pengurusan pengajian Islam. Tentang pendidikan pondok ini, Hasan Madmarn dalam bukunya "*The Pondok and Madrasah in Patani*" menyatakan:

*"In the Muslim community in Thailand as a whole and in Patani in particular, the well-known center of religious training where the children sit together daily is call the surau or balaisah, a small prayer house. Both types of learning centers are commonly found in Patani as well as in nearby areas. In these centers, the children learn together how to read al-Qur'ān and learn other obligatory precepts known as Fard al-'Ayn".*³⁷

Hasan Madmarn menjelaskan bahawa masyarakat Muslim di Thailand terutamanya di Patani, menjadikan surau atau balaisah sebagai pusat pendidikan bagi kanak-kanak di kawasan ini. Pusat pendidikan tersebut terdapat di merata tempat di Patani dan daerah berhampiran. Di sini, kanak-kanak akan tinggal bersama-sama untuk menuntut al-Qur'ān dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan *Fard al-'Ayn*.

³⁴ Sekolah pendidikan al-Qur'ān di negara Arab.

³⁵ Hasan Madmarn. (1999). *The Pondok and Madrasah in Patani*. Kuala Lumpur: UKM., hlm 56. Selepas ini akan disebut *The Pondok and Madrasah*.

³⁶ Ilmu yang wajib dituntut setiap orang Muslim.

³⁷ Hasan Madmarn. *The Pondok and Madrasah*., hlm 57.

Daripada pernyataan Hasan tersebut, dapat diketahui bahawa pada masa dahulu kanak-kanak di daerah Selatan Thailand menggunakan surau atau balaisah sebagai tempat menuntut ilmu pengetahuan. Ilmu utama yang mereka pelajari adalah al-Qur'an dan *Fard al-'Ayn*. Setelah itu barulah wujud pendidikan yang dinamakan pendidikan pondok sebagai institusi pendidikan terunggul dan terkenal di kawasan ini.

Pondok atau "Ponok" dalam dialek Melayu Patani merupakan institusi tradisional terawal di Asia Tenggara yang menggunakan sistem pengajian Islam di institusi, sama juga dengan institusi pengajian agama di negara Islam yang lain dan ia menjadi tempat tumpuan menuntut ilmu-ilmu agama dalam kalangan orang Islam.³⁸ Institusi pendidikan Islam yang disebut dengan istilah pondok ini, kebanyakannya terdapat di kawasan perkampungan di Selatan Thailand. Bagi masyarakat Islam di kawasan tersebut, ia tidak asing lagi kerana penubuhannya sejak bermulanya kedatangan Islam pada abad ke-10.³⁹ Ia menjadi pusat pengajian yang penting dalam membentuk pemimpin dan membela budaya bangsa Melayu yang beragama Islam. Hal ini, merupakan suatu keunikan peradaban Melayu Muslim di Patani dan bahasa Melayu.⁴⁰

Dari abad ke-18 sehingga ke-19, tiga wilayah bersempadan Selatan Thailand (Pattani, Yala dan Naradhiwas) menjadi tempat tumpuan pelajar-pelajar dari Semenanjung Tanah Melayu. Pondok telah memainkan peranan penting dalam kebudayaan dan kesusasteraan Islam. Pada abad ke-18 muncul ramai ulama yang

³⁸ Surin Pitsuwan. *Islam and Malay Nationalism.*, hlm 184.

³⁹ Imran Maluleem. (1995). *Wikhro Khwamkhatyaeng Rawang Ratthaban Thai Kap Muslim Nai Prathet (An Analysis of Conflict Between Thai Government and Muslims)*. Bangkok : Islamic Academy., hlm 3. Selepas ini disebut *Wikhro Khwamkhatyaeng*.

⁴⁰ Pirayot Rahimmula. *Peranan Ulama Masa Silam.*, hlm 7.

menghasilkan karya dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi dan bahasa Arab.⁴¹ Antara mereka ialah Shaykh Dāwūd ibn ‘Abdullāh ibn Idrīs al-Faṭānī (1769-1847), karyanya ialah *Furū‘ al-Masā‘il*, *Ghāyah al-Taqrīb*⁴² dan *Bulūgh al-Marām*.⁴³ Shaykh Wan Ahmad ibn Muḥammad Zayn al-Faṭānī (1856-1908).⁴⁴ Karyanya ialah *Hadīqat al-Azhār wa al-Rayhān*, *Bahjat al-Mubtadi ’īn wa Farhat al-Mujtahidīn*, *Badr al-amān wa al-Nujūm al-Thawāqib*, *Tuhfat al-Ummah Fi al-Šalāt al-A‘la*, *Nibiyiramah* dan *Taym al-Ihsān Di Tābi Ihsān*.⁴⁵ Syeikh Nik Mat Kecik Patani (1844-1915).⁴⁶ Karyanya yang ditulis pada tahun 1879 ialah *al-Bahjat al-Marqiyah fī al-Fawā‘id al-Ukhrawīyah*,⁴⁷ *Maṭla‘ al-Badrayn wa Majma‘ al-Bahrayn*⁴⁸ *al-Kawkab al-Durrī fī al-Nūr al-Muhammadī*.⁴⁹ Selain itu, mereka juga dikenali di dunia Arab, sehingga sebahagian daripada mereka mendapat kepercayaan daripada kerajaan Arab dan diberikan peluang untuk mengajar di Masjid al-Harām, Mekah. Daripada sumbangan

⁴¹ Surin Pitsuwan. *Islam and Malay Nationalism*., hlm. 147.

⁴² Buku ini menghuraikan tentang hukum Faraid, ditulis pada tahun 1226H. Sila lihat Ismail Che Dāwūd. *Tokoh- Tokoh Ulama Semenanjung*., hlm 135, Wan Muhammad Shaghir. *Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Faṭānī*. hlm 70.

⁴³ Buku ini menyebut tentang al-Ḥadīth yang berkaitan hukum hakam ditulis pada tahun 1227H. Sila lihat Ismail Che Dāwūd. *Tokoh- Tokoh Ulama Semenanjung*., hlm 136, Wan Muhammad Shaghir. *Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Faṭānī*., hlm 71.

⁴⁴ Shaykh Wan Ahmad ibn Muḥammad Zayn al-Faṭānī nama penuhnya Tok Guru Haji Wan Ahmad ibn Muḥammad Zayn ibn Muṣṭafā al-Malāyūwī al-Faṭānī, berasal daripada keturunan para mualigh agama Islam yang datang dari Hadhramaut. Beliau lahir di Kampung Jambu, Patani pada malam Jumaat 5 Syaaban tahun 1272 bertepatan dengan 10 April 1856. Shaykh Wan Ahmad meninggal dunia pada malam Rabu 11 Zulhijjah 1325H bersamaan 14 Januari 1908, jenazahnya dikebumikan di perkuburan Ma‘lā, Mekah. Sila lihat dalam buku Wan Muhammad Shaghir. *Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Faṭānī*., hlm 93,116.

⁴⁵ Mohd. Yusof Hasan. (1991). *Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., hlm 60. Selepas ini akan disebut *Dunia Melayu*.

⁴⁶ Syeikh Nik Mat Kecik Patani, nama penuhnya Syeikh Muhammad bin Ismail al-Faṭānī, dilahirkan di Pulau Duyong Kecil, Kuala Terengganu pada tahun 1260H bersamaan 1844M. Beliau sebagai seorang ulama yang terkenal alimnya beliau banyak menghasilkan buku bercorak sastera kitab yang bukan sahaja menghurai ilmu-ilmu agama, malah mencakupi juga bidang sejarah, sains perubatan dan kosmologi Islam, buah-buah dan daun kayu, sayur-sayuran, biji-bijian, khasiat binatang, burung dan lain-lain. Pada penghujung tahun 1913M, mula sakit darah tinggi dan akhirnya pada hari Sabtu 20 Rabiulakhir 1333H bersamaan 6 Mac 1915M beliaupun meninggal dunia. Jenazah beliau dikebumikan di Ma‘lā berhampiran pusara Siti Khadījah binti Khuwaylid. Sila lihat Ismail Che Dāwūd. *Tokoh- Tokoh Ulama Semenanjung*., hlm 132-145.

⁴⁷ Mohd. Yusof Hasan. *Dunia Melayu*., hlm 36. Isi kandungannya membincangkan tentang fadhilat beberapa jenis zikir, salawat dan kelebihan doa-doa tertentu.

⁴⁸ Ibid., hlm 37. Isinya mengenai Rukun Iman, *tauhiid* dan fiqh.

⁴⁹ Ibid. hlm 38-39. Isinya merangkumi tentang Nur Muhammad SAW, kejadian Nabi Adam dan Hawa dan kejadian alam serta cerita *Mi‘rāj*.

ulama-ulama Patani melalui karya-karya ilmiah mereka inilah, dapat pelajar-pelajar di pondok menggunakannya sebagai buku teks dalam pengajian mereka.⁵⁰

Karya-karya yang dikarang oleh ulama-ulama Patani kini terdapat di berata tempat seperti di Patani, Malaysia, Indonesia, kawasan masyarakat Melayu Patani di Mekah, Madinah dan Jeddah. Di Turki dan England juga terdapat di Perpustakaan London dan di Perpustakaan British. Karya-karya mereka yang lebih terkenal dengan istilah “*Kitab Jawi*” bukan sahaja melibatkan ilmu-ilmu dalam ajaran agama, tetapi juga merangkumi bidang undang-undang, falsafah, politik, sejarah, ekonomi, astronomi, psikologi, sosiologi, kedoktoran dan lain-lain.⁵¹

Biasanya pondok diasingkan dari kawasan lain bagi mengelakkan pengaruh luar agar pelajar dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran dengan sebaiknya. Sistem pondok tidak mempunyai kelas, kurikulum yang jelas, jangka masa pengajian dan peperiksaan bulanan, tahunan atau peperiksaan yang lain. Ilmu yang pelajar peroleh bergantung pada keteguhan, kesabaran dan ketabahan mereka dalam pengajian terutamanya kekuatan daya ingatan terhadap masalah-masalah pokok dalam kaedah *Nahw*, *Feqah*, *al-Hadīth*, *Tafsir* dan sebagainya. Pendidikan berbentuk ini diuruskan oleh seorang ulama (dipanggil Tok Guru, Tuan Guru atau Babo) yang mengajarkan ilmu kepada *Tok Pake* (pelajar) yang duduk dalam satu bentuk bulatan atau *halaqah* mengelilingi ulama tersebut. Kaedah ini dipercayai berasal daripada bentuk pengajaran di Masjid al-Harām, Mekah.⁵²

⁵⁰ Pirayot Rahimmula. *Peranan Ulama Masa Silam.*, hlm 8.

⁵¹ Ibid.

⁵² Hasan Madmarn. *The Pondok and Madrasah.*, hlm 21. Numan Hayimasa. (2002). *Haji Sulong Abdul Kadir (1895-1954): Perjuangan dan Sumbangan Beliau Kepada Masyarakat Melayu Patani.* (Tesis Sarjana). Universiti Sains Malaysia., hlm 54, Selaras ini disebut *Haji Sulong Abdul Kadir*.

Pondok berada di merata tempat, khususnya pada awal perkembangannya terletak di kawasan istana. Wan Kadir menyebut bahawa:

“Ulama in Patani were closely associated with the palace ruling authorities as well as with affluent traders who were viewed as representing a higher civilization”.⁵³

Dengan penjelasan Wan Kadir di atas, dapat dinyatakan bahawa pada zaman kerajaan Patani, ulama adalah golongan yang berkait rapat dengan istana dan berperanan dalam membina tamadun yang tinggi seperti pedagang yang membawa kemewahan ke Patani. Istana pula adalah sebagai pusat perhimpunan cendiakawan. Kegiatan pendidikan Islam tersebar dengan luasnya setelah mendapat dorongan dan bantuan daripada pihak Raja Melayu Patani. Selain dorongan dan bantuan dari segi kegiatan pendidikan Islam, juga diberikan dorongan dari segi kegiatan penulisan.

Sistem pondok tersebut dikenali dengan sistem pondok berbentuk tradisional, ditubuhkan sejak permulaan abad ke-19 bermula di kawasan Patani dan masih bergiatan hingga kini. Contoh pondok berbentuk tradisional yang ada sekarang ialah Pondok Dalo terletak di Yaring, Pattani Tok Guru Haji Abdur Rahman terkenal dengan nama Tok Dalo, Pondok Semla, Tok Guru Haji Ismail atau terkenal dengan nama Tok Semla terletak di Yaring, Pattani, Pondok Mango, Tok Guru Haji Hasan atau dipanggil Tok Mango lokasinya di daerah Mayo, Pattani dan Pondok Bermin, Tok Guru Haji Ahmad bin Idris terkenal dengan nama Tok Bermin berada di daerah Yaring, Pattani.⁵⁴ Pengajian pondok ini diteruskan oleh ulama-ulama tempatan sehingga menjelang abad ke-20, institusi pondok di kawasan Monthon Patani

⁵³ Wan Kadir Cheman. *Muslim Separatism.*, hlm 42.

⁵⁴ Hasan Madmarn. *The Pondok and Madrasah.*, hlm.17.

bertambah daripada 477 buah institusi pada tahun 1906 kepada 497 buah institusi pada tahun 1916 dan 595 buah institusi pada tahun 1919.⁵⁵

Tidak lama kemudian, kerajaan Siam memulakan sistem pendidikan peringkat rendah dengan termeterainya Akta Pendidikan bagi tahun 1921. Walaupun akta ini dimeteraikan agak lewat iaitu pada awal abad ke-20, namun hakikatnya cadangan untuk memasuki pendidikan yang ditadbir oleh kerajaan di Patani lebih awal lagi merujuk pada zaman pemerintahan Raja Chulalongkorn Rama V (1868-1960).⁵⁶

Walau bagaimanapun, sekarang beberapa buah institusi pondok berbentuk tradisional telah berubah. Perubahan ini adalah kesan daripada campur tangan pihak kerajaan dan usaha kalangan pemimpin masyarakat dalam sistem pengajian Islam di Selatan Thailand. Konsep pembaharuan pendidikan mulai diterapkan oleh pemerintah pada pertengahan abad ke-20 untuk menyesuaikannya dengan tuntutan dan perkembangan semasa. Pada tahun 1961, kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Sarit Thanarat⁵⁷ menetapkan peraturan untuk menyeragamkan Lembaga Pondok dan Madrasah kepada “*Sekolah Agama Rakyat*” atau dipanggil dalam bahasa Thai *Rongrian Rat Son Satsana Islam*⁵⁸ atau dinamakan pengajian berbentuk madrasah.⁵⁹ Sekolah ini ialah sekolah peringkat menengah yang menggunakan

⁵⁵ Uthai Dulyakasem. (1981). *Education and Ethnic Nationalism: A Study of Muslim-Malay in Southern Siam*. (Ph.D Thesis). Stanford University., hlm 70. Selepas ini disebut *Education and Ethnic Nationalism*.

⁵⁶ Numan Hayimasa. *Haji Sulong Abdul Kadir.*, hlm 55.

⁵⁷ Seorang pegawai tentera yang berpengalaman. Beliau memikul tugas Perdana Menteri Thai pada tahun 1909–1963.

⁵⁸ *Rongrian Rat Son Satsana Islam* ialah sekolah pondok yang mempunyai sistem pengurusan pengajian Islam dan kurikulumnya berbentuk dua aliran bercampuran antara pengajian agama dan akademik (sistem dualisme). Nama “*Rongrian Rat Son Satsana Islam*” diguna sejak tahun 1965 dan pada tahun 1983, ditukar kepada nama yang baru ialah *Rongrian Ekkachon Son Satsana Islam*.

⁵⁹ Surin Phitsuwan. *Islam and Malay Nationalism.*, hlm. 180

pengajian Islam yang mempunyai multikurikulum antara pelajaran agama dengan akademik. Jangka masa pengajiannya adalah enam tahun.

Pelajaran bentuk madrasah ini diatur mengikut tahap kecerdasan masing-masing dan mempunyai kurikulum dan jangka masa pendidikan yang jelas. Peranan pondok ini bertambah besar dan tidak terbatas hanya dalam pendidikan agama Islam, malah juga mempunyai peranan dalam sosial dan budaya hidup.⁶⁰

Perubahan yang dialami dalam sistem pendidikan pondok ini berkembang kepada bentuk pengajian dua sistem, iaitu gabungan antara pelajaran agama dengan akademik. Subjek akademik ini disebut dalam istilah Thai sebagai *saman*, subjek-subjek yang ditawarkan seperti Sains, Matematik, Bahasa Thai, Bahasa Inggeris dan sebagainya. Manakala subjek agama yang ditawarkan adalah Tauhīd, Feqah, Sejarah Islam (*Tarikh*), Bahasa Arab, Tajwīd dan lain-lain.⁶¹ Melalui sistem pengajian dua sistem ini, pelajaran berlangsung sepanjang hari dari pagi ke tengah hari dan dari tengah hari hingga ke petang. Sesetengah sekolah bentuk ini ditentukan masa kelas pengajian agama dan akademik secara berasingan iaitu kelas agama pada waktu pagi dan pada waktu petang pula disambung dengan kelas pengajian akademik. Terdapat juga sekolah yang menggabungkan kelas pengajian agama dan akademik mengikut masa yang ditentukan. Hasil perubahan sistem ini, didapati hanya sebahagian kecil pelajar yang berpeluang menyambung pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi di dalam dan luar negeri.

Kini, terdapat beberapa pondok berbentuk madrasah di wilayah Selatan Thailand. Antaranya ialah Pondok Al-Rahmāniah Bra'ul kelolaan Tok Guru Haji Abdul Rahman Japakiya Braul yang terletak di Puyut, daerah Yarang, wilayah

⁶⁰ Dulhalim Dinaa. *Kajian Bentuk Pendidikan.*, hlm 124.
⁶¹ Ibid., hlm 181.

Pattani. Pondok Al-Islāhiyah Jihad kelolaan Tok Guru Haji Jihad yang terletak di daerah Muang, wilayah Yala. Saiburi Islam Wittaya kelolaan Tok Guru Babo De di daerah Saiburi, wilayah Pattani.

Pengajian pondok yang berkembang hingga ke peringkat diploma ialah Dār al-Ma‘ārif kelolaan Haji Abdur Rahman Maming-Chi, Ketua Majlis Agama Pattani (1999-sekarang). Pondok ini di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Pattani, Shaykh Dāwūd kelolaan Tok Guru Haji Harun, daerah Muang, wilayah Yala dan Pondok al-Da‘wah al-Islāmiyah kelolaan Tok Guru Haji Hasan, terletak di daerah Yaha, wilayah Yala.

Pelajar yang tamat pengajian pada peringkat menengah (*thānawī*) dari sekolah yang sama, kebanyakannya mereka meneruskan pelajaran ke luar negara, terutama di negara Arab. Oleh yang demikian, para pemimpin agama tempatan yang terdiri daripada ulama dan ahli akademik berasa penting untuk mewujudkan pengajian Islam pada peringkat pengajian tinggi. Hal ini untuk menawarkan pengajian pada peringkat yang lebih tinggi, memberikan peluang kepada pelajar untuk menyambung pengajian mereka di dalam negara. Oleh yang demikian, pada tahun 1988, dengan keizinan Allah SWT institusi pengajian tinggi Islam yang pertama di Selatan Thailand iaitu, CIS berjaya ditubuhkan dan beberapa tahun kemudian YIU ditubuhkan pula di kawasan ini.

Kini, di Selatan Thailand terdapat dua buah institusi pengajian tinggi Islam terpenting yang moden dan menggunakan pengajian Islam di institisiusi. Pertama, CIS ditubuhkan pada 11 Oktober 1988 di PSU.⁶² Kolej ini ditubuhkan dengan alasan

⁶² Hasan Madmarn. *The Pondok and Madrasah.*, hlm 284.

ahli psikologi politik, sebagai pusat pengajian yang menjalankan tanggungjawab mengikut dasar Islam. Tujuan CIS diwujudkan ini adalah seperti berikut:⁶³

1. Melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berlandaskan Islam.
2. Sebagai pusat perhubungan akademik Islam dengan luar negara khususnya negara-negara Islam.
3. Ditubuhkan untuk ketenteraman negara, politik, ekonomi dan masyarakat.

Pada awalnya, pengajian Islam di PSU hanya sebagai satu jurusan pengajian di bawah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Sains Kemasyarakatan (*Faculty of Humanities and Social Sciences-FHUSO*) tetapi setelah mendapat keizinan dari biro universiti, jurusan pengajian Islam tersebut telah dinaikkan tarafnya sebagai sebuah pusat pengajian dengan nama CIS.⁶⁴ Kini, kolej ini menawarkan enam rancangan pengajian iaitu Rancangan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (*B.A. in Islamic Studies*) dan Rancangan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Program Antarabangsa (*B.A. in Islamic Studies, International Program*), Rancangan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dalam Pendidikan Islam (*B.Ed in Islamic Education*), Rancangan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Syarī'ah (*B.A. in Islamic Law*), Rancangan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Pengurusan Islam (*Islamic Economic and Management*), Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Timur Tengah (*B.A. in Middle East Studies*). Peringkat sarjana pula, ditawarkan Sarjana Sastera Pengajian Islam dan Rancangan Pentadbiran dan Pengurusan

⁶³ Kolej Pengajian Islam. (t.th.). *Rai-angan Kitchakan Witthayalai Islam Sueksa 1983-1990 (Report on College of Islamic Studies' Affairs 1983-1990)*. Prince of Songkla University: Kolej Pengajian Islam., hlm 3. Selepas ini akan sebut *Raiangan Kichakarn Withayalai*.

⁶⁴ Prince of Songkla University. (1987). *Khrongkan Chattang Sathaban Islam Sueksa (Establishment of Islamic Studies Institution Project)*. Pattani: Prince of Songkla University., hlm 9.

Pendidikan Islam (*M. Ed. in Islamic Educational Administration and Management*).

Peringkat doktor falsafah hanya ditawarkan Rancagan Doktor Falasafah Pengajian Islam (*Ph.D in Islamic Studies*).

YIU ditubuhkan pada tahun 1998, merupakan institusi pengajian tinggi Islam swasta pertama di Thailand. Idea penubuhan universiti ini telah mengambil masa yang lama iaitu bermula dari tahun 1982, ketika segelintir cerdik pandai yang terdiri daripada para ulama Pattani yang tamat pengajian dari Timur Tengah berasa terpanggil untuk mendirikan sebuah institusi pengajian tinggi Islam ini.

Pada tahun 1985, ahli jawatankuasa (AJK) Majlis Agama Islam Wilayah Yala telah memohon untuk menubuhkan institusi pengajian tinggi di wilayah Selatan Thailand kepada *Islamic Development Bank* (IDB) yang berpusat di Jeddah, Arab Saudi. Permohonan ini dipersetujui oleh pihak IDB serta mendermakan wang sebanyak satu juta dua ratus ribu dollar Amerika untuk digunakan dalam projek pembangunan awal institusi tersebut.⁶⁵ Setelah mendapat keizinan secara rasmi daripada kerajaan, pada tahun 1999, pihak jawatankuasa telah membeli tanah seluas 22 ekar di Kampung Paramitae, Mukim Budi di Wilayah Yala untuk dijadikan lokasi YIU. Pada tahun 2002, universiti ini dipindahkan ke Kampung Sarong, Wilayah Pattani dan dinaikkan tarafnya sebagai universiti pada tahun 2007. Bangunan lama di Parametae dijadikan Institusi Bahasa Antarabangsa (*Institute of International Languages*) peringkat pre-universiti. Kini, YIU mempunyai beberapa buah pusat pengajian yang di bawah setiap pusat mempunyai beberapa rancangan pengajian yang ditawarkan.

⁶⁵ Kolej Islam Yala. (1997). *Rabiapkan Loek Laksut Kansueksa Witthayalai Islam Yala. (Regulation on Cancellation of Curriculum in Yala Islamic University)*. Yala: Kolej Islam Yala., hlm 11.